

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2019 DAN HAD KIFAYAH MAIWP: SATU TINJAUAN PERBANDINGAN**POVERTY LINE INCOME (PLI) 2019 AND MAIWP'S HAD KIFAYAH: A COMPARATIVE REVIEW**

ⁱNur Syahidah Abdul Jalil, ⁱMuhammad Hisyam Mohamad, ⁱWan Roslili Majid

ⁱPusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

* (Corresponding author) e-mail: nursyahidah@ikim.gov.my

ABSTRAK

Pada Julai 2020, Malaysia telah mengumumkan semakan semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 kepada para RM2208 sebulan berbanding RM980 yang telah digunakan sejak 2005. Paras terbaru ini dijangka memberi impak dari segi peningkatan kadar kemiskinan nasional dan perubahan kepada nilai ambang agensi-agensi pemberi bantuan termasuklah institusi zakat. Makalah ini secara umumnya bertujuan untuk melihat perbandingan elemen-elemen yang dikirakan dalam PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP dalam menangani kemiskinan. Perbandingan ini dikaji melalui kaedah kajian kepustakaan. Didapati bahawa, biarpun bilangan dimensi atau komponen dalam kedua-kedua PGK dan had kifayah berbeza, namun kedua-duanya berkongsi matlamat satu utama iaitu untuk membolehkan isi rumah mencapai satu taraf hidup minimum yang dapat diterima oleh masyarakat setempat atau satu kehidupan wajar. Paras yang ditetapkan oleh PGK dan Had Kifayah MAIWP juga tidak menghalang sesebuah isi rumah untuk mendapatkan bantuan daripada agensi yang berkaitan sekiranya layak. Berdasarkan perbincangan kertas ini juga, disarankan bahawa had kifayah MAIWP untuk disemak semula selari dengan PGK 2019 berdasarkan kos sara hidup semasa.

Kata Kunci: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), kemiskinan, had kifayah, institusi zakat, kehidupan wajar.

ABSTRACT

On July 2020, Malaysia announced the new level of Poverty Line Income (PLI) 2019 to RM2208 as compared to RM980 a month which has been used since 2005. This newly revised PLI is expected to increase the national level of poverty rate and cause changes in threshold value of aid agencies including zakat institutions. This paper generally look into the comparison of the elements within PLI 2019 and MAIWP's Had Kifayah by using the library research method. It is found that, even though the number of dimensions or components in both PLI and Had Kifayah are different, both share the main goal which is to enable households to achieve a minimum standard of living or a decent life. The threshold level set by PLI and the MAIWP's Had Kifayah also does not prevent households from getting any aids from relevant agencies if they eligible for that. Based on discussion of this paper, MAIWP is recommended to also review its threshold of Had Kifayah so that it will in line with PGK 2019 on the basis of current living cost.

Keywords: Poverty Line Income (PLI), poverty, had kifayah, zakat institution, decent life.

Pengenalan

Dalam Kajian Separuh Penggal RMK-11 yang dikeluarkan pada 18 Oktober 2018 ada menyebut tentang keperluan untuk menyemak semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ketika itu (RM980) dengan menggunakan pengukuran yang lebih inklusif selari dengan kaedah antarabangsa (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2018, h. 11-9). Pada 2019 juga, Profesor Philip Alston, Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia PBB yang membuat lawatan kerja di Malaysia ada mencadangkan bahawa PGK sebanyak RM980 sebulan untuk disemak semula (Alston, 2019).

Pada 10 Julai 2020, Malaysia telah mengumumkan PGK semakan semula pada paras RM2208 sebulan, berbanding dengan RM980 yang digunakan sejak 2005 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Peningkatan ini mengambil kira metodologi semasa, kenaikan kos sara hidup dan penilaian keperluan pada kadar optimum berbanding dengan minimum sebelum ini. Paras ini penting kerana menjadi sebahagian daripada penilaian agensi-agensi yang memberi bantuan kepada isi rumah yang memerlukan termasuklah institusi zakat.

Jika dilihat sebelum ini, insiden kemiskinan pada kadar 0.4% pada 2016. Melalui pendekatan metodologi baharu, kadar kemiskinan mutlak 2019 dicatatkan pada 5.6% berbanding dengan 7.6% untuk 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 46).¹ Sementara itu, kadar kemiskinan relatif untuk 2019 pula ialah 16.9%.

Berdasarkan kepada perkembangan ini, makalah ini ditulis untuk membincangkan perihal perbandingan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 dengan Had Kifayah MAIWP dalam konteks elemen-elemen yang menjadi penilaian kepada paras yang ditetapkan untuk mencapai satu konsep kehidupan yang wajar. Hal ini adalah kerana, isu kemiskinan tidak lagi hanya boleh dilihat dalam persepektif pendapatan semata-mata, bahkan turut merangkumi aspek sosial yang lain.

Sebenarnya, kemiskinan juga dilihat menjadi cabaran kepada masyarakat dan negara untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, Islam menganggap kemiskinan sebagai satu bentuk musibah yang perlu dibasmi kerana ia boleh mendatangkan pelbagai implikasi negatif terhadap akidah, institusi kekeluargaan, fikiran dan masyarakat (Rita, Yosefina, Muhammad Yamin & Andi Batary, 2018).

Menyentuh tentang akidah, terdapat hadis yang sering kali mengaitkan dan menggandingkan kefakiran dengan kekufturan. Antaranya termasuklah hadis daripada Abu Bakrah RA yang meriwayatkan doa Nabi SAW agar diberikan perlindungan daripada kefakiran dan kekufturan (Al-Qardawi, 2004, h. 30). Oleh sebab kemudarat besar yang diakibatkan kemiskinan terhadap masyarakat, maka Islam menawarkan mekanisme berkesan sebagai langkah pembasmiannya khususnya kemiskinan ketara, iaitu melalui sistem zakat (Obaidullah, 2012, h. 12).

Khalifah Ali bin Abi Thalib RA mengatakan, “Allah menetapkan bahagian tertentu daripada kekayaan golongan kaya yang mencukupi untuk golongan miskin. Jika golongan miskin menderita disebabkan kelaparan atau kekurangan pakaian, maka ia merupakan akibat golongan kaya tidak menuaikan zakat yang seharusnya mereka keluarkan.” Keberkesanan sistem zakat terutama pada zaman awal Islam untuk mengenal pasti dan membantu kehidupan penerima direkodkan dalam catatan sejarah. Walau bagaimanapun, situasi pada zaman kini berbeza. Zakat dan kemiskinan dapat dilihat wujud secara bersama. Hakikat yang tidak dapat dinafikan dan wajar direnungkan ialah kemiskinan lebih serius di negara-negara Islam berbanding dengan negara-negara lain di dunia (Dar Al-Ifta Al-Missriyyah, t.t).

Oleh yang demikian, apabila Malaysia membuat semakan semula kepada PGK, langkah ini dilihat sebagai satu perkembangan yang baik dalam konteks untuk mencapai pembangunan yang lebih

¹ Kadar untuk 2016 ini disemak semula berdasarkan Metodologi 2019.

menyeluruh. Selain itu, diandaikan PGK yang terbaharu turut menjadi penanda aras bagi dasar dan polisi oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dan badan-badan bukan kerajaan berkaitan dengan usaha menangani kemiskinan termasuklah insitusi zakat.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan Kemiskinan

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan salah satu penanda aras kemiskinan yang diguna pakai di negara ini. Secara umumnya, menurut Townsend (1979) dan European Commission (2004) dalam Buttler (2013, h.7), individu itu dikatakan sebagai miskin apabila pendapatan dan sumber yang dimilikinya terhad sehingga menghalang dirinya untuk terlibat dalam kegiatan yang dilazimi oleh masyarakat di tempatnya. Buttler juga menyebut bahawa kemiskinan itu merupakan sesuatu yang subjektif dan bergantung pada persepsi manusia.

Berdasarkan definisi umum ini, pengukuran had kemiskinan adalah penting dalam usaha membantu isi rumah atau individu untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Dengan demikian, mereka berpeluang untuk terlibat dalam kegiatan yang biasa dilakukan di kawasan tempat tinggal mereka. Sebagai contoh, bilangan pengambilan makanan sehari, mempunyai tempat tinggal yang baik dan mendapat akses kepada pendidikan, pengangkutan serta perubatan dan lain-lain. Bagaimanapun, kriteria pengukuran ini bergantung pada penanda aras mengikut kesesuaian dan keadaan semasa bagi sesebuah negara yang berkenaan.

Di Malaysia, kaedah pengukuran kemiskinan menggunakan pendekatan ‘Kos Keperluan Asas’ sejak 1977 lagi. Melalui kaedah ini, satu paras keperluan minimum yakni PGK telah ditetapkan. Komponen PGK ini terdiri daripada dua kategori, iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Nilai PGK makanan diperoleh melalui penetapan keperluan kalori bagi sesebuah isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 45).

PGK ditakrifkan sebagai pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 276).

PGK makanan ditentukan sekumpulan pakar berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dengan memfokuskan kepada keperluan optimum kalori bagi tubuh seseorang individu berbanding dengan keperluan minimum sebelum ini. Sajian makanan yang digariskan seperti ikan, ayam/daging tanpa lemak/telur, kekacang dan bijian, nasi dan produk bijirin, sayuran dan buah-buahan, susu dan produk susu dan mengurangkan pengambilan garam, gula, lemak dan minyak. Sajian ini kemudiannya ditukarkan kepada nilai Ringgit Malaysia berdasarkan harga item-item tersebut.

PGK bukan makanan pula terdiri daripada komponen seperti pakaian dan kasut, sewa, bahan api dan utiliti, kelengkapan isi rumah, pengangkutan dan perhubungan serta item bukan makanan yang lain.

Apabila pendapatan sesebuah isi rumah itu tidak mencapai paras PGK yang digariskan, maka isi rumah tersebut dianggap sebagai miskin kerana sumber pendapatan yang diperoleh tidak dapat memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan yang ditetapkan.

Nilai purata PGK peringkat nasional ditetapkan sebanyak RM2,208 sebulan manakala nilai purata PGK makanan ditetapkan pada RM1,038 sebulan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 46). Hal ini menjadikan nilai purata bagi PGK bukan makanan ialah RM1,170 (PGK nasional – PGK makanan).

Beberapa definisi kemiskinan digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 ((Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 45-47):

1. *Kemiskinan mutlak* ialah apabila pendapatan isi rumah keseluruhannya masih berada di bawah PGK nasional yang ditetapkan, iaitu RM2,208. Kemiskinan mutlak pada 2019 adalah sebanyak 5.6% atau meliputi 405,441 isi rumah.

2. *Kemiskinan tegar (hard-core poor)* pula berlaku apabila pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK makanan yang telah digariskan, iaitu RM1,038 sebulan.
3. *Kemiskinan relatif* pula tidak diukur menggunakan PGK. Sebaliknya ditentukan berdasarkan separuh daripada pendapatan penengah isi rumah bagi tahun berkenaan. Berdasarkan Laporan HIS 2019 Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan penengah bagi Malaysia ialah RM5,873. Pada ketika ini, mereka yang berpendapatan di bawah RM2936.50 adalah tergolong dalam kalangan miskin relatif. Oleh itu, kemiskinan relatif akan sentiasa wujud walaupun sesebuah negara itu telah mencapai negara maju. Hal ini kerana dari segi konsep, kemiskinan relatif menunjukkan perbandingan dengan isi rumah yang lain meskipun pada dasarnya isi rumah tersebut tidak lagi berada dalam kumpulan miskin mutlak.

Kemiskinan dalam Islam

Jika dilihat dalam definisi konvensional, fokus umum kemiskinan adalah melihat kepada ketidakcukupan material, walaupun penyelidik pada masa kini membahaskan konsep kemiskinan multi-dimensi yang lebih meluas.

Dalam Islam, golongan fakir dan miskin merupakan dua kumpulan yang berbeza. Oleh sebab itulah, kedua-duanya tidak diletakkan dalam kumpulan sama sebagai yang layak menerima zakat di samping enam asnaf yang lain. Allah SWT befirman yang bermaksud, “*Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang menguruskannya, muallaf yang dilunakkan hatinya....*” (Surah al-Taubah, 9: 60) Dari sudut pentakrifan, ulama berbeza pendapat tentang maksud fakir dan miskin (LZS, 2010).

Menurut ulama Syafii, orang yang fakir tidak memiliki harta dan pekerjaan bagi memenuhi keperluan dirinya. Bagi ulama Hanafi pula, fakir ialah orang yang memiliki kurang daripada nisab harta yang berkembang atau kadar nisab harta yang tidak berkembang dan terangkum dalam keperluan dirinya. Menurut ulama Maliki, fakir dirujuk sebagai orang yang memiliki sesuatu tetapi nilainya tidak memenuhi kadar bayaran zakat semasa (makanan ruji). Imam Hanbali selanjutnya mentakrifkan fakir sebagai orang yang tidak memiliki sesuatu apa pun atau memiliki sedikit sahaja harta namun nilainya tidak mencapai separuh pun daripada yang mencukupi untuk keperluan dirinya (Al-Kuwait, 1404 – 1427H, h. 5).

Seterusnya miskin ditakrifkan oleh ulama Syafii sebagai orang yang berkemampuan untuk memiliki harta dan pekerjaan namun masih tidak mencukupi untuk keperluan dirinya. Ulama Hanafi dan Maliki pula mentakrifkan miskin sebagai orang yang tidak memiliki sesuatu apa pun. Ulama Hanbali merujuk miskin sebagai orang yang memiliki sebahagian besar atau separuh keperluan yang memadai bagi dirinya dan ia diperoleh melalui usaha atau selainnya.

Dari segi perbincangan tentang konsep kemiskinan pula, Syukri (2017, h. 1-2) dalam kajiannya mendapati sorotan literatur Islami tentang definisi kemiskinan memberikan tumpuan kepada dua perkara; pertama, tidak suka akan kemiskinan dan juga pembasmian kemiskinan; kedua, penumpuan terhadap institusi Islami atau formulasi ekonomi dalam strategi menangani kemiskinan.

Dalam kajiannya, Syukri (2017, h. 4) turut mendapati bahawa hanya Huq (1996) yang memberikan definisi tentang kemiskinan yang sesuai. Walau bagaimanapun menurut beliau, ia tidaklah boleh dianggap sepenuhnya sebagai definisi kemiskinan dari perspektif Islami kerana Syukri berpendapat Huq masih menggunakan ‘tahap kehidupan’ dan juga ‘tahap sara hidup’ sebagai indikator kemiskinan.

Namun demikian, fokus Huq kepada tahap sara hidup dilihat seiring PGK dan kadar Had Kifayah dalam konteks meletakkan taraf kehidupan yang baik kepada isi rumah. Dalam mendefinisikan kemiskinan, Huq dalam Syukri (2017, h. 4) mengategorikan miskin berdasarkan pendapatan, kemampuan untuk memberi barang dan perkhidmatan dan memenuhi keperluan asas bagi satu kehidupan yang baik. Penyelidik juga berpendapat orang miskin ialah mereka yang tiada peluang atau

kebolehanan atau kedua-duanya untuk mencari nafkah. Keadaan tersebut seterusnya boleh membawa kepada penghinaan sosial, kemerosotan status ekonominya serta kekosongan moral dan rohani.

Aspek kemerosotan dalam moral dan rohani ini juga disebut oleh Gurner (2005, h. 2) yang berpendapat bahawa kemiskinan dalam al-Quran juga merujuk kemiskinan rohani selain sudut material. Pandangan ini juga sama dengan Ahmed (2004) dalam Syukri (2017, h. 5) yang menyebut bahawa konsep miskin/kaya dalam Islam tidak hanya mewakili kekurangan dalam aspek mendapat barang dan perkhidmatan. Akan tetapi, termasuklah juga kekurangan/kekayaan dalam aspek rohani.

Oleh yang demikian, berdasarkan hakikat ini, kemiskinan dalam perspektif Islam bolehlah difahami sebagai kekurangan dalam aspek material bagi mencukupkan keperluan hidup seseorang individu pada tahap yang dilazimi masyarakat tanpa memerlukan bantuan orang lain. Selain itu, kemiskinan juga merujuk kekurangan dalam aspek pengisian rohani yang boleh menyebabkan individu tersebut berpaling daripada landasan Islam yang benar. Kekurangan dari kedua-dua aspek ini (material dan rohani) boleh diukur mengikut kaedah pengukuran semasa yang bersesuaian.

Had Kifayah dan Dimensi PGK 2019

Dalam literatur perbincangan tentang kemiskinan dalam perspektif Islam, Khan dalam Syukri (2017, h. 5) mengaitkan kemiskinan dengan dua konsep utama, iaitu konsep keperluan (*dharuriyyah*) dan had (*nisab*). Oleh itu, penetapan sesuatu had bagi tujuan untuk mengukur kecukupan hidup bagi individu amat penting dalam membuat keputusan pengagihan bantuan selain pendidikan tentang maksud kecukupan kepada masyarakat.

Mansor, Hassan, Ahmad Irfan, Noradilah & Saharuddin (2017, h. 35) menyatakan bahawa perkataan had kifayah ini bukanlah berasal daripada al-Quran dan Hadis namun istilahnya diambil daripada ulamak bersandarkan nas yang berkaitan. Antara nas yang dikaitkan dengan ketentuan had kifayah ini termasuklah hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud,

Bukanlah miskin itu seorang yang mendatangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin ialah seseorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengayakannya dan dalam masa yang sama, tidak melakukan sesuatu yang membuatkan orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga ia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka.

Nurizal dan Siti Aisyah (2019, h. 16) memetik Ibn Munzir yang menghuraikan maksud ‘had’ sebagai terbatas, terhad dan sekat manakala ‘kifayah’ sebagai perkara yang mencukupkan kehidupan individu. Ahsan et al. (2013) dalam kajian yang sama pula mendefinisikan had kifayah sebagai tahap minimum keperluan manusia sebagai ukuran garis kemiskinan.

Fatwa Pengurusan Agihan Zakat Selangor 2002 misalnya mendefinisikan had kifayah sebagai agihan zakat kepada asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati keperluan asasi sebenar (LZS, 2010). Di Malaysia, terdapat 14 buah institusi zakat (ataupun pusat zakat) yang berlainan bagi mewakili 13 buah negeri dan tiga buah wilayah persekutuan (diwakili oleh satu-satu institusi zakat) dan urusan agihan zakat adalah tertakluk di bawah perundangan kerajaan negeri yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Eza Ellany, Mohd Rizal & Mohamat Sabri, 2014, h. 52). Oleh itu, setiap pusat zakat menentukan had kifayah masing-masing mengikut negeri.

Dalam konteks MAIWP, bahagian yang terlibat dalam aspek pengagihan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan ialah Bahagian Baitulmal (Md. Fadzli, 2019). MAIWP telah menetapkan had kifayahnya tersendiri dan merujuknya sebagai,

suatu kadar keperluan aras minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi.

Melihat kepada definisi had kifayah ini, beberapa kata kunci utama yang boleh diteliti dalam perbincangan makalah ini termasuklah ‘kadar keperluan asas minimum’, ‘kos sara hidup semasa’, dan ‘mencukupkan perbelanjaan asasi’. Ketetapan itu dilihat sebagai penting untuk membezakan individu yang layak mendapat bantuan mengikut kategori yang ditetapkan.

Dasar dan polisi sebelum ini (seperti PGK 2005 dan gaji minimum), dilihat meletakkan aspek memenuhi ‘keperluan minimum’ dalam menentukan nilai ambangnya. Perkara ini dianggap signifikan kerana pada peringkat permulaan, sememangnya setiap lapisan masyarakat perlu dipastikan dapat memenuhi keperluan asas hidup mereka. Kecukupan ini membolehkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Walau bagaimanapun semakin negara membangun, penumpuan hanya kepada aspek pengekalan hidup semata-mata tidak akan membawa Malaysia maju kehadapan. Oleh itu, PGK 2019 diumumkan dengan membawa konsep memenuhi keperluan hidup pada peringkat optimum kepada semua penduduknya.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t), optimum merujuk “kedudukan (jumlah, paras, dan lain-lain) yang terbaik atau paling menguntungkan (bagi sesuatu keadaan, pengeluaran, perkembangan, dan lain-lain)”. Dalam konteks penggunaan, jumlah PGK yang diumumkan kerajaan ini membolehkan sesebuah isi rumah untuk memaksimakan jumlah utilitinya dalam lingkungan pendapatannya yang terhad (Krugman, Well & Myatt, 2005, h. 244).

Kadar RM2208 ditetapkan dengan anggaran satu isi rumah yang terdiri daripada 3.9 orang, atau secara mudahnya 4 orang dalam PGK 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, h. 19). Hal ini bermakna, pendapatan per kapita bagi isi rumah tersebut ialah RM552 sebulan dan pendapatan ini merangkumi PGK makanan serta PGK bukan makanan.

Dalam konteks had kifayah bagi kawasan Wilayah Persekutuan, perkara asas yang diberikan perhatian termasuklah perihal perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

Jadual 1 dimensi Had Kifayah MAIWP

Dimensi	
Bil.	Had Kifayah MAIWP
1.	Perlindungan
2.	Makanan
3.	Pakaian
4.	Perubatan
5.	Pendidikan
6.	Pengangkutan
7.	Makanan

Sumber: MAIWP

Jadual 2 dimensi PGK 2019

Bil.	Dimensi PGK 2019	
1.	PGK Makanan	
	i.	ikan – 1 Hidangan
	ii.	ayam/daging tanpa lemak/telur
	iii.	kekacang dan bijian
	iv.	nasi, gandum, mi, roti, bijirin, produk bijirin dan ubi pilihan
	v.	sayur-sayuran dan buah-buahan
	vi.	susu dan produk susu
	vii.	mengurangkan pengambilan garam, gula, lemak dan minyak
2.	PGK Bukan Makanan	
	i.	pakaian dan kasut
	ii.	sewa kasar, bahan api dan utiliti
	iii.	perabot, peralatan dan kelengkapan isi rumah (barang tahan lama)
	iv.	pengangkutan dan perhubungan
	v.	item bukan makanan lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PGK 2019 menetapkan kadar RM2208 sebagai nilai ambang manakala kadar had kifayah yang diguna pakai PPZ-MAIWP yang umum adalah seperti berikut:

Jadual 3: Kategori Had Kifayah

Bil.	Kategori	Kadar (RM)
1.	Ketua Keluarga (Rumah Sewa)	1,000.00
2.	Ketua Keluarga (Rumah Sendiri)	550.00
3.	Dewasa Bekerja (Isteri)	280.00
4.	Dewasa Tidak Bersekolah (18 tahun ke atas)	210.00
5.	Remaja Bersekolah (13-17 tahun)	270.00
6.	Kanak-kanak Pra Sekolah (7-12 tahun)	240.00
7.	Kanak-kanak Pra Sekolah (5-6 tahun)	220.00
8.	Kanak-kanak Tidak Bersekolah	200.00

Sumber: MAIWP

Tambahan Had Kifayah:

Jadual 4: Kategori Tambahan Had Kifayah

Bil.	Kategori	Kadar (RM)
1.	Sakit Kronik	250.00
2.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	250.00
3.	Ibu/Bapa Tunggal / Tinggal	250.00
4.	Tanggungan IPTA/IPTS	250.00
5.	Keluarga Bermasalah	250.00
6.	Saudara Baru	250.00

Sumber: MAIWP

Dalam pengiraan had kifayah, kedua-dua pendapatan suami dan isteri dikira sebagai pendapatan isi rumah dalam menentukan kategori isi rumah tersebut sama ada dalam kumpulan fakir/miskin ataupun tidak.

Merujuk Kalkulator Had Kifayah MAIWP, terdapat dua bahagian utama untuk memberikan penilaian awal pemohon sama ada mereka tergolong dalam kumpulan miskin/fakir.

Jadual 5: Portal Kalkulator Had Kifayah MAIWP

MAKLUMAT PENDAPATAN			
Pendapatan Suami / Ketua Keluarga	RM <input type="text" value="0"/>		
Pendapatan Isteri	RM <input type="text" value="0"/>		
Lain-lain pendapatan (Pemberian Anak / Bantuan JKM / Rumah Sewa / Wang Simpanan dan lain-lain)	RM <input type="text" value="0"/>		
Kereta	RM <input type="text" value="0"/>		
Pilih salah satu			
<input type="checkbox"/> 1.6cc dan keatas	RM <input type="text" value="0"/>		
<input type="checkbox"/> 1.5cc dan kebawah	RM <input type="text" value="0"/>		
JUMLAH KESELURUHAN			
RM <input type="text" value="0"/>			
KIRA MAKLUMAT PENDAPATAN			

MAKLUMAT KEPERLUAN			
Ketua Keluarga (Rumah sendiri)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
<small>Ful-screen Screenshot</small>			
Ketua Keluarga (Rumah sewa)	<input type="radio"/> Kediaman Berbayar Rendah < 500	RM <input type="text" value="0"/>	
	<input type="radio"/> Kediaman Berbayar Sederhana > 500	RM <input type="text" value="0"/>	
Dewasa bekerja (Isteri)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Dewasa tidak bekerja / bersekolah	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Remaja bersekolah (13 – 17 tahun)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Kanak-kanak bersekolah (7 – 12 tahun)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Kanak-kanak pra sekolah (5 – 6 tahun)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Kanak-kanak tidak bersekolah (4 tahun ke bawah)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
Saudara Baru	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
0. Anak belajar di IPTA / IPTS	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
1. Sakit Kronik	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	
2. Orang Kelainan Upaya (OKU)	0 <input type="text" value="Orang"/>	RM <input type="text" value="0"/>	

Bahagian A

Bahagian B

Dalam pengiraan mudah, sekiranya jumlah Bahagian A melebihi jumlah Bahagian B, isi rumah tersebut tidak dikategorikan sebagai kumpulan asnaf fakir dan miskin.² Walau bagaimanapun, isi rumah yang tidak tergolong dalam kumpulan asnaf fakir dan miskin masih boleh memohon kategori bantuan lain seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Bantuan ini termasuklah seperti Bantuan Perubatan (hemodialisis, Peralatan Kesihatan, Am dan Khas, Kanak-kanak OKU), Bantuan Am Pelajaran IPT & Sekolah Berasrama dan Bantuan Pakaian dan Peralatan Sekolah dan lain-lain. Ini adalah berdasarkan kumpulan asnaf selain fakir dan miskin ('Amil, Muallaf, Al-Riqab, Al-Gharimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil).

Perbandingan Kata Kunci dan Dimensi serta Pelaksanaan PGK 2019 dengan Had Kifayah MAIWP

Kecukupan

Secara umumnya, kedua-dua PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP meletakkan konsep kecukupan itu sebagai penanda aras utama. Walaupun bagaimanapun, kadar kecukupan yang disebut berdasarkan definisi bagi kedua-dua PGK 2019 dengan Had Kifayah MAIWP ini berbeza. Kadar kecukupan Had Kifayah MAIWP didefinisikan sebagai memenuhi keperluan asas minimum manakala kadar kecukupan yang menjadi fokus PGK 2019 adalah memenuhi keperluan optimum.

Melihat kepada kata kunci 'kadar keperluan asas minimum' dan 'kos sara hidup semasa' dalam definisi had kifayah, Uwais (2004) dalam Mansor et. al ada menyebut bahawa sebenarnya had kifayah

² Portal Kalkulator Had Kifayah ini digunakan sebagai rujukan dan bukanlah jaminan pemohon akan mendapat bantuan yang dikehendaki. Hal demikian kerana, pengiraan sebenar akan dilakukan di kaunter pejabat berkenaan.

bukanlah sekadar penentuan minimum semata-mata. Akan tetapi penentuan itu menjangkaui tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan individu berserta tanggungannya serta boleh berubah mengikut keadaan semasa. Siti Norhidayah dan Hairunnizam (2017, h. 335) dalam kajiannya pula menyebut bahawa had kifayah ini juga bermaksud tahap kecukupan saraan bagi memenuhi keperluan. Hal ini selari dengan kata kunci ‘mencukupkan perbelanjaan asasi’ dalam definisi had kifayah MAIWP.

Berdasarkan pendapat ini, had kifayah yang diguna pakai sebenarnya bukanlah semata-mata dimaksudkan memenuhi keperluan paling minimum (*had al-kafaf*³) untuk meneruskan hidup, tetapi kecukupan untuk memenuhi keperluan hidup pada tahap minimum yang dilazimi dalam masyarakat setempat. Had ini juga boleh berubah mengikut keadaan semasa dan tempat.

Daripada Jadual 3 dan Jadual 4, dapat dilihat kadar yang ditetapkan dalam had kifayah boleh diandaikan telah melebihi paras paling rendah (*had al-kafaf*) individu juga tanggungannya untuk meneruskan hidup. Andaian tersebut juga setelah membuat perbandingan bagi nilai ambang bagi miskin tegar dalam PGK 2019 yang telah ditetapkan pada RM1,038 sebulan dengan keahlian isi rumah 4 orang.

Oleh itu meskipun terdapat dua kata kunci yang berbeza, iaitu memenuhi keperluan minimum dalam definisi had kifayah dan memenuhi keperluan optimum dalam PGK 2019, kedua-duanya dilihat merujuk nilai keperluan yang melebihi paras paling rendah untuk meneruskan kehidupan bagi individu dan tanggungannya. Apakah lagi dalam definisi had kifayah MAIWP menyatakan had yang ditetapkan adalah mengikut kos sara hidup semasa.

Kedua, kedua-dua penanda aras ini ini dari segi matlamatnya adalah untuk mengasingkan kelas taraf hidup isi rumah miskin dan tidak miskin (juga isi rumah fakir dengan isi rumah miskin tegar). Hal demikian kerana, keutamaannya adalah untuk menangani kemiskinan melalui bantuan bersasar yang sesuai dan terbaik.

Ketiga, bagi isi rumah yang tidak tergolong dalam kumpulan miskin berdasarkan nilai ambang PGK 2019, ini sama sekali tidak bermakna isi rumah tersebut tidak boleh memohon bantuan lain yang mereka layak. Sebagai contoh, jika terdapat isi rumah yang berpendapatan RM2500 sebulan, walaupun tidak termasuk dalam kumpulan miskin, namun mereka masih dikira sebagai kumpulan rentan. Hal ini disebabkan mereka tergolong dalam pengelasan kumpulan isi rumah berpendapatan terendah 40% ke bawah (B40).⁴ Antara bantuan yang layak dipohon misalnya ialah Bantuan Sara Hidup 2020 yang antara syaratnya ialah isi rumah yang berpendapatan RM4000 sebulan ke bawah (LHDN, 2020).

Amalan ini juga dilaksanakan dalam konteks Had Kifayah MAIWP. Isi rumah yang bukan tergolong dalam kumpulan fakir dan miskin masih boleh memohon bantuan lain daripada Baitulmal sekiranya mereka layak seperti dalam Jadual 3 dan Jadual 4. Hal demikian kerana, pada asasnya bantuan zakat diberikan untuk mencukupkan kekurangan (berdasarkan had kifayah yang ditetapkan) bagi isi rumah tersebut agar mencapai taraf kehidupan yang baik, yang dilazimi oleh masyarakat setempat.

Dimensi

Had Kifayah MAIWP menyenaraikan enam dimensi seperti dalam Jadual 1 manakala PGK 2019 meletakkan hanya dua dimensi utama dalam penentuan kadar PGK 2019 seperti dalam Jadual 2. Walau bagaimanapun dua dimensi PGK 2019 tersebut juga terdiri daripada beberapa sub-dimensi (item asas) yang menjadi keperluan isi rumah.

Komponen yang didapati tidak terdapat dalam pengukuran PGK 2019, tetapi wujud dalam pengukuran had kifayah MAIWP ialah perubatan dan pendidikan. Diandaikan bahawa kedua-dua

³ Had al-Kafaf bermaksud tahap keperluan terendah bagi kehidupan seseorang. Iaitu keupayaan memiliki makanan, pakaian dan tempat tinggal yang paling minimum sehingga sekiranya seseorang itu berada di bawah tahap ini nescaya seseorang itu tidak boleh hidup dan tidak berupaya menghasilkan sesuatu. Lihat Mansor et. al, *Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembezta antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat*, 35.

⁴ Had Pendapatan Terendah 40% bagi Malaysia ialah RM4,850, Pertengahan 40% ialah di antara RM4,850 - RM10,959 manakala Tertinggi 20% ialah RM10,960 dan ke atas. Data daripada *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*, 285.

komponen ini tidak dimasukkan dalam pengukuran PGK 2019 kerana pada peringkat nasional, perkhidmatan perubatan kosnya adalah sangat minimal dan bagi kumpulan tertentu ia adalah percuma.

Pendidikan pula secara umumnya disebabkan tiada lagi yuran sekolah bagi sekolah rendah dan menengah kerajaan. Yuran-yuran lain yang dikenakan adalah atas inisiatif pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak namun masih terdapat budi bicara bagi pelajar yang kurang berkemampuan.

Perkhidmatan perubatan dan sistem persekolahan kerajaan ini disediakan di seluruh negara kepada rakyat Malaysia. Bagi sektor pendidikan, selepas tamat persekolahan menengah, individu telah mempunyai tahap pendidikan minimum yang diperlukan sama ada untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat seterusnya ataupun memasuki sektor pekerjaan. Oleh sebab inilah diandaikan kedua-dua komponen pendidikan dan perubatan tersebut tidak dimasukkan dalam pengukuran PGK 2019.

Dimensi perubatan yang dimasukkan sebagai perkara asas dalam had kifayah MAIWP pula dilihat sebagai komplementari kepada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Ia bertujuan mengurangkan beban kewangan kepada isi rumah/individu yang mempunyai masalah kesihatan kronik dalam proses mendapatkan rawatan kesihatan mereka.

Dimensi pendidikan dalam had kifayah MAIWP juga mempunyai tujuan yang sama, iaitu meringankan beban kewangan isi rumah yang mempunyai tanggungan anak yang masih bersekolah. Selain itu, had kifayah MAIWP ini turut memberikan bantuan kewangan kepada isi rumah/individu yang melanjutkan pelajaran mereka pada peringkat yang lebih tinggi.

Konsep Kemiskinan

Meskipun meletakkan nilai ambang pendapatan untuk PGK dan kadar kepada had kifayah, kedua-dua pengukuran ini sebenarnya melihat konteks kemiskinan melebihi aspek tahap pendapatan individu. Kemiskinan dilihat lebih menyeluruh berdasarkan dimensi yang menjadi ukuran dalam kedua-dua kaedah. Perkara ini selaras dengan kedua-dua definisi bagi PGK 2019 dan had kifayah untuk memenuhi keperluan pada tahap saraan yang mencukupi (kos sara hidup semasa) dan dapat diterima oleh masyarakat setempat.

Hubung Kait Pengukuran PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP dengan Kehidupan Wajar.

Dalam perspektif yang berbeza, terdapat pengkaji yang melihat elemen atau komponen bagi kehidupan bermakna dalam konteks sosioekonomi, kemudian menterjemahkannya dalam bentuk yang boleh diukur seperti tingkat pendapatan seseorang individu. Parker, Arrowsmith, Fells & Prowse (2016) dan Waldegrave, King & Urbanová (2018) berpendapat bahawa elemen yang diambil kira dalam tingkat pendapatan ini perlu melebihi keperluan minimum yang paling asas bagi seseorang itu mendapatkan kehidupan yang baik.

Tingkat pendapatan ini kemudiannya diterjemah sebagai paras gaji kehidupan wajar (*the living wage*). Dalam satu artikel oleh Bank Negara Malaysia (2018), gaji kehidupan wajar sebenarnya membincangkan perihal satu konsep kehidupan minimum yang boleh diterima dan hendaklah melebihi daripada sekadar menampung kehidupan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Hal ini termasuklah tentang keupayaan untuk berinteraksi dan berhubung dalam masyarakat secara bermakna, kebebasan ekonomi seterusnya peluang untuk memajukan diri serta keluarga.

Konsep gaji kehidupan wajar yang dimaksudkan ini juga sebenarnya bukanlah semata-mata perihal nilai gaji yang perlu dibayar oleh majikan. Akan tetapi ia juga tentang peranan masyarakat sekeliling dalam meningkatkan taraf kehidupan sesebuah isi rumah. Dalam artikel yang sama, gaji kehidupan wajar ditakrifkan sebagai pelbagai sumber pendapatan selain gaji, seperti manfaat kerja bukan gaji dan bantuan sosial. Hal ini bermaksud, manfaat kerja bukan gaji dan bantuan sosial tidak semestinya diterima daripada agensi kerajaan. Akan tetapi, ia juga berkemungkinan diterima daripada badan bukan kerajaan ataupun individu. Contoh mudah ialah pelaksanaan tuisyen percuma oleh kariah masjid untuk pelajar sekolah, peruntukan makanan sihat di sekolah oleh PIBG dan lain-lain.

Selain itu, konsep gaji kehidupan wajar yang mempromosikan satu tahap hidup yang wajar (a decent standard of living)—yakni satu taraf hidup minimum yang dapat diterima oleh masyarakat setempat telah menjadi matlamat kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan pada 5 Oktober 2019 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).⁵ Dalam wawasan nasional ini, aspek yang dipusatkan untuk mendapat kehidupan wajar termasuklah tentang menangani ketaksamaan, hidup secara bersatu dan bermaruah serta menjamin pembangunan untuk semua.

Merujuk konsep PGK 2019 dengan Had Kifayah MAIWP, kedua-dua penanda aras ini dilihat meletakkan konsep kecukupan melebihi tahap paling minimum bagi manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup. Perkara ini secara tidak langsung sebenarnya mempromosikan konsep kehidupan wajar (decent life) kepada setiap lapisan masyarakat.

Sebagai contoh, PGK 2019 mengambil kira keperluan kalori optimum yang diperlukan oleh isi rumah berbanding dengan keperluan minimum untuk mengekalkan kesihatan yang baik. Had Kifayah MAIWP pula memberikan peluang kepada individu layak untuk mendapat bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran atau memulakan perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup asnaf.

Kedua-dua konsep ini cenderung untuk mempromosikan satu kehidupan melebihi paras paling terendah yang diperlukan manusia untuk kelangsungan hidupnya. Individu mungkin boleh meneruskan hidup dengan keadaan minimum. Akan tetapi individu tersebut mungkin tidak dapat berfungsi dan menjiwai sepenuhnya sebagai seorang insan apabila hidupnya hanya berkisar tentang perjuangan untuk mencukupkan makan dan minum pada tahap paling minimum setiap hari seperti kata pepatah, “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Kesimpulan

Kedua-dua penanda aras PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP dilihat berkongsi matlamat yang sama. Walaupun dari segi definisi, Had Kifayah MAIWP mensasarkan matlamat untuk memenuhi keperluan asas yang minimum, ia sebenarnya turut merangkumi kecukupan saraan bagi isi rumah yang berkenaan. Hal ini bermaksud, kadar Had Kifayah MAIWP bukanlah semata-mata mencukupkan keperluan yang paling minimum (*had al-kafaf*) isi rumah, iaitu jika tidak mencukupi, boleh mengancam nyawa (*dharuriyyat*). Sebaliknya had kifayah juga memenuhi sebahagian perkara *hajiyah* yang membantu isi rumah untuk mendapat kehidupan yang baik.

Selain itu, meskipun isi rumah tidak tergolong dalam kumpulan miskin mutlak (PGK 2019) atau miskin (Had Kifayah MAIWP), isi rumah tersebut masih lagi boleh memohon bantuan dalam kategori lain sekiranya mereka layak. Keadaan ini juga menunjukkan konsep kemiskinan dilihat dari pelbagai dimensi. Nilai ambang yang ditetapkan menjadi panduan asas dalam usaha membangunkan masyarakat.

Di samping itu, penting bagi umat Islam untuk memahami bahawa konsep kemiskinan dalam agama sebenarnya turut merangkumi kemiskinan rohani. Kekurangan pengisian rohani bukan sahaja menjadikan seseorang itu miskin bahkan kemiskinan material juga boleh menyebabkan individu berasa kekosongan jiwa dan tercalar maruahnya. Sekali gus, ia boleh menggugat keimanan kepada Allah SWT.

Di Malaysia, penetapan nilai ambang PGK 2019 dan Had Kifayah MAIWP dilihat saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, walaupun dalam Had Kifayah MAIWP mempunyai dimensi yang lebih terangkum, secara praktikalnya bukanlah bermaksud ia satu had yang dikira keperluannya bermula pada peringkat paling awal. Sebagai contoh, dimensi pendidikan tidak bermaksud tanggungan atau subsidi penuh kemasukan ke sekolah peringkat rendah dan menengah. Hal

⁵ Pada 30 September 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia mengesahkan kerajaan akan meneruskan komitmen kepada WKB 2030. Lihat Rashvinjeet S. Bedi. (30 September 2020). PM affirms commitment towards Shared Prosperity Vision 2030. *The Star*. Diakses pada 30 September 2020 dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/09/30/pm-affirms-commitment-towards-shared-prosperity-vision-2030>

ini kerana, pendidikan peringkat rendah dan menengah umumnya ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan, kecuali bagi sekolah-sekolah persendirian yang ada kemungkinannya menggunakan dana zakat sepenuhnya. PGK juga adalah pengukuran untuk semua lapisan masyarakat manakala Had Kifayah ini hanya khusus untuk orang Islam. Secara amalannya, bantuan zakat ini secara umumnya membantu mencukupkan keperluan berdasarkan had kifayah yang ditetapkan.

Berdasarkan perubahan kepada PGK yang ditambah baik (PGK 2019), terdapat kemungkinan had kifayah akan disemak semula oleh pusat zakat setiap negeri. Hal yang demikian kerana, PGK yang disemak ini berdasarkan perbincangan kumpulan pakar yang melakukan kajian dan pemerhatian terhadap ‘kos sara hidup semasa’. Dari segi definisi had kifayah pula, dinyatakan bahawa kadar had yang ditetapkan akan berubah mengikut ‘kos sara hidup semasa’. Oleh ikut, makalah ini turut mencadangkan agar Had Kifayah yang digunakan MAIWP untuk disemak semula berdasarkan definisi yang digunakan.

Selain itu, objektif kedua-dua penanda aras yang memfokuskan kepada kecukupan pada tahap minimum yang boleh diterima oleh masyarakat setempat juga dilihat seiring dengan konsep gaji kehidupan wajar yang diketengahkan oleh BNM dan Wawasan Kemakmuran bersama 2030. Keutamaannya ialah satu kehidupan baik bagi individu dari sudut sosioekonomi mereka. Matlamat mencapai kehidupan yang baik adalah seiring dengan konsep Khalifah dalam Islam, iaitu manusia diciptakan dengan tanggungjawab untuk mengatur kehidupan manusia di bumi dengan berdasarkan wahyu dan syariat Allah (JHEAINS, 2019). Tujuannya agar kehidupan manusia adalah teratur dan mempunyai tujuan hidup yang suci bagi mencapai keredaan Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud, “*Diolah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya...*” (Surah Hud, 11: 61), sekali gus membawa kepada kejayaan di dunia dan akhirat.

Rujukan

- Alston, P. 2019. Statement by Professor Philip Alston, United Nations Special Rapporteur on Extreme Poverty and Human Rights, on His Visit to Malaysia, 13-23 August 2019, UNHR (23 Augst 2019). Diakses pada 1 Sept 2020 dari <https://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/DisplayNews.aspx?NewsID=24912&LangID=E#:~:text=OHCHR%20%7C%20Statement%20by%20Professor%20Philip,Malaysia%2C%2013%2D23%20August%202019&text=Malaysia%20has%20achieved%20extraordinary%20growth,as%20a%20high%2Dincome%20country>.
- Dar Al-Ifta Al-Missriyyah. t.t. Zakah: Economic and Social Effects. Diakses pada 25 September 2020 dari <https://www.dar-alifta.org/Foreign/ViewArticle.aspx?ID=369&CategoryID=3>
- Eilyn Chong & Farina Adam Kong. 2018. Gaji Kehidupan Wajar: Bukan Sekadar Menampung Keperluan Asas. Dalam *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017* (98-108). Diakses pada 28 September 2020 dari http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2017/ar2017_buku.pdf
- Eza Ellany Abdul Lateff, Mohd Rizal Palil & Mohamat Sabri Hassan. 2014. “Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat di Malaysia.” *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2): 51-60. Diakses pada 29 September 2020 dari https://www.researchgate.net/publication/284298843_Prestasi_Kecekapan_Agihan_Kewangan_dan_Bukan_Kewangan_di_Kalangan_Institusi_Zakat_di_Malaysia
- Franziska Buttler. 2013. What Determines Subjective Poverty? An Evaluation of The Link Between Relative Income Poverty Measures and Subjective Economic Stress within the EU, under DFG Research Unit ‘Horizontal Europeanization’. Diakses pada 29 September 2020 dari [https://horizontal-europeanization.eu/fileadmin/user_upload/proj\(horizontal/downloads/pre-prints/PP_HoEu_2013-01_buttler_subjective_poverty_0.pdf](https://horizontal-europeanization.eu/fileadmin/user_upload/proj(horizontal/downloads/pre-prints/PP_HoEu_2013-01_buttler_subjective_poverty_0.pdf)

- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). 2019. Khutbah Jumaat 16 Julai 2019: Manusia diberikan tiga tugas utama. Diakses pada 28 September 2020 dari <https://jheains.sabah.gov.my/index.php/21-terapi-minda/298-khutbah-jumaat-19-julai-2019>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2019. *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya: Attin Press Sdn. Bhd.
- Krugman, P., Well, R. & Myatt, A. 2005. *Microeconomics –Canadian Edition*. New York: Worth Publishers.
- Lembaga Zakat Selangor. 2010. Fakir, Miskin dan Had Al-Kifayah. Diakses pada 25 September 2020 dari <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah-2/>
- LHDN. 2020. Bantuan Sara Hidup: Syarat Kelayakan BSH 2020. Diakses pada 10 September 2020 dari <https://bsh.hasil.gov.my/>
- Mansor bin Sulaiman, Hasan bin Ahmad, Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Noradilah binti Md Nordin & Saharudin Bin Ramli. 2017. “Had Al-Kifayah Sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis.” *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1): 34-44. Diakses pada 14 September 2020 dari <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/20141/1/Had%20Al-Kifayah%20sebagai%20Garis%20Pembeza%20antara%20Golongan%20Susah%20dan%20Senang%20dalam%20Sesebuah%20Masyarakat-%20Suatu%20Tinjauan%20Kritis.pdf>
- Md. Fadzli Md Saad. 2019. Peranan Institusi Agama Membantu Penjagaan Informal: Pengalaman Baitulmal KL. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Persidangan Meja Bulat: Islam dan Ekonomi Prihatin* pada 20 Mac 2019 bertempat di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohammed Obaidullah. 2012. *Zakah Management for Poverty Alleviation*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute.
- Muhammad Syukri Salleh. 2017. “Contemporary Vision of Poverty and Islamic Strategy for Poverty Alleviation.” *SAGE Open*: 1-8, doi: 10.1177/2158244017697153.
- Nurizal Ismail & Siti Aisyah. Jun 2019. “The Concept of Had Kifayah in Zakah Management. *Al Tijarah*, 5(1): 15-23. <http://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/altijarah>.
- Osman Güner. 2005. “Poverty in Traditional Islamic Thought: Is it Virtue or Captivity?” *Studies in Islam and the Middle East* 2, no. 1: 1-12, diakses pada 7 September 2020 dari https://www.researchgate.net/publication/330657680_Poverty_In_Traditional_Islamic_Thought_Is_It_Virtue_Or_Captivity
- Parker, J., Arrowsmith, J., Fells, R. & Prowse, P. 2016. “The Living Wage: Concepts, Contexts and Future Concerns.” *Labour & Industry: A Journal of The Social and Economic Relations of Work*, 26(1): 1-7. DOI: 10.1080/10301763.2016.1154671
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. t.t. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Diakses pada 4 September 2020 dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=optimum>
- Rashvinjeet S. Bedi. 30 September 2020. PM Affirms Commitment Towards Shared Prosperity Vision 2030. *The Star*. Diakses pada 30 September 2020 dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/09/30/pm-affirms-commitment-towards-shared-prosperity-vision-2030>
- Rita Yunus, Yosefina Andia Dekrita, Muhammad Yamin & Andi Batary Citta. 2018. “Poverty Reduction Model Through Empowerment People's Economy According to Islamic

Perspectives (Study on Islamic Village in Sikka-Flores District).” *Advances in Economics, Business and Management Research (AEBMR)*, 92: 127-136.

Siti Norhidayah Hamzah & Hairunnizam Wahid. 2017. Penentuan Had Kifayah Zakat: Satu Cadangan Dimensi Penentuan yang Baru. Dalam Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab & Muhammad Tajuddin Abdul Rahim (sunt.), *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat* (331-352). Bangi: UKM.

UNDP. (2020). The 2020 Global Multidimensional Poverty Index (MPI). Diakses pada 8 September 2020 dari <http://hdr.undp.org/en/2020-MPI>

Waldegrave, C., King, P. & Urbanová, M. (2018). Report of the Measurement Review for a New Zealand Living Wage. Diakses pada 30 September 2020 dari https://d3n8a8pro7vhmx.cloudfront.net/nzlivingwage/pages/265/attachments/original/1522815168/Living_Wage_2018_Measurement_Review_Report_Final_2_4_18_%28ID_8512%29.pdf?1522815168.

Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah al-Kuwait. 1404 – 1427H. *Mausu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, Jil. 35. Mesir: Dar al-Safwah.

Yusuf al-Qaradawi (terj. Aurang Zeb Azmi). 2004. *Poverty and Its Solution in Islam*. New Delhi: Adam Publishers and Distributors.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2018. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.